


CADANGAN PENGUBAHSUAIAN
SKIM LENCANA PENGAKAP KELANA



LENCANA KEAHLIAN	1. Memahami dan menerima Persetiaan & Undang-undang Pengakap 2. Dapat menerangkan tujuan Pergerakan Pengakap dan menyedari peranan Pengakap Kelana 3. Mengetahui sejarah Pergerakan Pengakap di Malaysia dan Pergerakan Pengakap Antarabangsa 4. Menjalankan kerja-kerja amal kepada masyarakat setempat bersama pasukan seminima enam jam 5. Mengetahui cara mengikat dan menggunakan simpulan dan ikatan berikut:- a. Buku Sila b. Bunga Geti c. Simpul Manuk d. Tindih Kasih e. Lilit Dua Simpul f. Lilit Pematil Biasa g. Ikatan Seraya h. Ikatan Serong 6. Mengamalkan ajaran agama masing-masing
-----------------------------	---

**LENCANA
KEMAHIRAN
(WAJIB)**

A. BERKHEMAH

Pengetahuan dan kebolehan berkhemah secara teori dan praktikal berdasarkan tajuk-tajuk berikut:

- a. Pengurusan dan pentadbiran perkhemahan
- b. Persediaan sebelum, semasa dan selepas perkhemahan
- c. Pemilihan tempat dan tapak, penyediaan peralatan dan makanan
- d. Jenis khemah dan cara mendirikanannya
- e. Dapur, alatan dan Gejet serta kegunaannya
- f. Aktiviti dan program perkhemahan
- g. Kesihatan dan Kebersihan
- h. Aturan Penutupan Perkhemahan

Nota: Perkara yang perlu dibuat oleh setiap calon:

- Berkhemah seminima 10 malam di dalam siri-siri perkhemahan & menyediakan laporan perkhemahan
- Mendirikan khemah kecil/pondok untuk perlindungan

B. PROJEK PERINTIS

1. Mengambil bahagian berkumpulan membuat SATU projek perintis bagi setiap kategori yang dinyatakan di bawah:
 - a. Jambatan
 - b. Menara
 - c. Lain-lain (merangkumi projek perintis pengangkutan, permainan dan selain daripada yang dinyatakan di atas)
2. Menyediakan model bagi semua projek perintis yang telah dibina dalam bahagian (1)
3. Pengurusan Kuartermaster:
Menyatakan, memahami dan menjalankan peranan sebagai Kuartermaster yang menguruskan segala peralatan dan bahan projek perintis supaya berada dalam keadaan baik, teratur dan selamat

C. KAWAD

1. Mengetahui tatacara dan hukuman kawad
 - a. Kawad Kaki Pengakap
 - b. Kawad Tongkat Pengakap
2. Mengetahui dan memenuhi segala syarat untuk menjadi
seorang Ketua Kawad

D. ORIENTEERING

Mengetahui asas orienteering dan dapat mengaplikasikannya di dalam pelbagai siri latihan dan aktiviti yang dijalankan

	E. IKHTIAR HIDUP Mengetahui asas ikhtiar hidup dan dapat mengaplikasikannya di dalam pelbagai siri latihan dan aktiviti yang dijalankan F. PENGANGGARAN Mengetahui sistem penganggaran dan dapat mengaplikasikannya di dalam pelbagai siri latihan dan aktiviti yang dijalankan
LENCANA PERKHIDMATAN (WAJIB)	A. BANTU MULA – WAJIB Calon dikehendaki mengikut latihan atau kursus yang diakui oleh mana-mana persatuan atau mana-mana pegawai perubatan bertauliah yang mengendalikan latihan rawatan dan pertolongan cemas dalam jangka masa tertentu. Calon hendaklah mempunyai pengetahuan berkenaan seperti butiran dibawah dan juga mempunyai kemahiran bertindak memberi rawatan kecemasan : 1. Mengetahui tujuan dan peraturan rawatan kecemasan dan keadaan yang memerlukan 2. Mengetahui dan memahami struktur tubuh badan dan peranannya. 3. Mengetahui peredaran darah manusia serta jenis pembuluh 4. Mengetahui jenis-jenis luka serta jenis pembalutan serta cara menghentikan pendarahan dari mulut, hidung dan telinga. 5. Mengetahui cara merawat gigitan serangga, binatang kecil dan binatang berbisa 6. Mengetahui punca dan cara merawat keracunan daripada makanan, bahan kimia dan lain-lain 7. Mengetahui sistem pernafasan manusia dan merawat permasalahan bantu mula bagi permasalahan berkaitan dengan sistem pernafasan. 8. Mengetahui dan mengaplikasikan teknik pemulihan pernafasan 9. Mengetahui dan merawat jenis patah tulang dan anduhan serta cara memindahkan mangsa yang cedera 10. Mengetahui Peti Pertolongan Cemas serta alatan di dalamnya. B. KEBAJIKAN AM – WAJIB Menganjurkan suatu projek Perkhidmatan Masyarakat yang melibatkan masyarakat setempat DAN (Minima SATU daripada bahagian C dan D) C. PEMELIHARA ALAM SEKITAR Calon dikehendaki berhubung dengan Pesuruhjaya Daerah atau Jawatankuasa Program Daerah untuk menentukan projek-projek kempen pemeliharaan alam sekitar yang dapat dijalankan di tempat masing-masing dalam tempoh 3 bulan. Antara projek-projek yang disyorkan adalah seperti:-

	i. Kempen Kebersihan Alam Sekitar ii. Kempen Kitar Semula iii. Kempen Kawasan Angkat Krew D. PILIHAN KEBAJIKAN (Pilihan SATU sahaja) i. Menjalankan projek bantuan yang boleh disampaikan kepada mangsa bencana alam ii. Menjalankan Projek Anak Angkat Krew Pengakap Kelana samada kepada Kumpulan-kumpulan Pengakap atau kawasan- kawasan yang bersesuaian untuk perkhidmatan berterusan iii. Menderma darah seminima 3 kali kepada Hospital Kerajaan atau Pusat Darah Negara serta mempunyai rekod yang sah iv. Menjalankan perkhidmatan di Rumah-rumah Kebajikan
PENGEMBARAAN (WAJIB)	A. PENGEMBARAAN Menjalankan salah SATU daripada pilihan pengembaraan berikut: A1. berjalan kaki sejauh 60km (masa bermalam: minima 2 malam) ATAU A2. berdayung sampan/kayak/rakit sejauh 30km (masa bermalam: minima 2 malam) ATAU A3. berbasikal sejauh 100km (masa bermalam: minima 2 malam) ATAU A4. bermotorsikal sejauh 500km (masa bermalam: minima 2 malam) ATAU A5. berkereta sejauh 800km (masa bermalam: minima 2 malam) ATAU A6. berkenderaan awam (bas/keretapi) sejauh 1000km (masa bermalam: minima 2 malam) *Semua perjalanan diatas hendaklah merangkumi tidak kurang dari 3 perjalanan kecil yang berasingan dan berbeza keadaan geografinya.

B. LAPORAN PERJALANAN

- i. Menyediakan buku log pengembaraan yg lengkap dan dikemaskini yang disertakan bahan sokongan seperti gambar, lakaran, peta, rakaman video dan menyerahkan kepada penilai di dalam tempoh 15 hari selepas tamat pengembaraan.
- ii. Bahan sokongan seperti gambar, gambarajah , peta, rakaman video dan seumpamanya hendaklah diserahkan kepada penilai bersama buku log.

C.PERSEDIAAN PERJALANAN

- i. Setiap pengembaraan perlu ada persediaan dan destinasi hendaklah dirancang terlebih dahulu.
- ii. Tempat-tempat bersejarah dan rekreasi, perusahaan kampung, penghidupan kelompok masyarakat kecil, penempatan orang asli, dan tempat yang boleh memberikan pengalaman dan cabaran eloklah dimasukkan dalam program pengembaraan.
- iii. rancangan pengembaraan hendaklah dipersetujui oleh Ketua Kelana. Ketua kelana perlulah memberi nasihat dan panduan serta peraturan bagi memastikan pengurusan pengembaraan itu menikut cara berpengakap.
- iv. mengetahui cara menyediakan buku log pengembaraan yang wajib mengandungi:-
 - a. tarikh, masa, tempat, waktu tiba, waktu berlepas.
 - b. peta perjalanan, gambaran keadaan semulajadi.
 - c. rekod temuramah, kajian dan pendapat.
 - d. projek (jika dikehendaki membuat projek, lokasi, penyertaan masyarakat, malah dan kejayaan)
 - e. cetusan rasa digambarkan melalui lukisan, foto, rakaman video, puisi dan sebagainya.
 - f. langkah keselamatan hendaklah diutamakan (penilaian dan risiko)

D.PERINGATAN

- I. Calon boleh berskumpulan diantara 2 hingga 4 orang sahaja.
- II. Pemakluman pengembaraan dan kebenaran Pesuruhjaya daerah hendaklah diperolehi sebelum pengembaraan dimulakan.
- III. Calon hendaklah sentiasa menjaga imej pengakap kelamna dan juga menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masyarakat.

E. KAJICUACA

- i. Mentafsir dengan terperinci keadaan cuaca, suhu dan udara di sebuah peta yang disediakan.
- ii. membuat kajian keadaan cuaca.

LENCANA KEPIMPINAN (PILIHAN)	Menjalankan salah satu daripada perkara-perkara berikut: A. Kursus Kepimpinan Manikayu Menghadiri Kursus Kepimpinan Manikayu sehingga Modul B ATAU B. Pengurusan Program Mengetuai sebuah Jawatankuasa atau mengambil bahagian dalam sebuah jawatankuasa penganjuran sesuatu acara. ATAU C. Kursus Pemantapan Menghadiri kursus pemantapan dan kecemerlangan diri. contohnya kursus motivasi, kursus pengurusan masa dan dll ATAU D. Komunikasi dan pengucapan awam Menghadiri kursus pengucapan awam dan komunikasi ATAU E. Pentadbiran Menjawab jawatan pentadbiran dan didalam mana-mana persatuan yang diiktiraf dan sah dari undang-undang ATAU F. Anugerah Kepimpinan Telah menerima Anugerah Kepimpinan daripada mana-mana organisasi dan agensi contohnya: Anugerah Kepimpinan Perdana, KBS
LENCANA ICT (PILIHAN)	A. Teknologi Maklumat Menjalankan aktiviti-aktiviti berikut: i. Mengetahui perkara-perkara asas berkenaan pengendalian komputer ii. Boleh melayari internet menggunakan enjin pencarian untuk proses pencarian maklumat iii. Menyediakan sebuah persembahan/ laporan/log yang sesuai dengan menggunakan perisian-perisian berikut bagi: g. Windows h. Microsoft Office Word, Excel dan Powerpoint

	iv. Menghasilkan sebuah persembahan multimedia v. Menghasilkan dan mentadbir sebuah laman web semina 3 bulan ATAU B. Komunikasi dan Perhubungan Menjalankan aktiviti-aktiviti berikut: i. Mengirim berita menggunakan Kod Morse (Lampu atau buzzer) dengan kelajuan semina 15 perkataan seminit ii. Mengirim berita menggunakan isyarat bendera Semaphore dengan kiraan semina 25 perkataan seminit iii. Lulus perperiksaan Lesen B Radio Amatir yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ATAU C. Perhubungan Antarabangsa Melibatkan diri secara aktif di dalam mana-mana aktiviti Kelana peringkat antarabangsa atau menjalankan aktiviti yang menghubungkan persaudaraan di antara Kelana Malaysia dan Kelana-Kelana Antarabangsa
LENCANA AKTIVITI EKSTREM (PILIHAN)	Telah melibatkan diri semina tiga kali di dalam mana-mana SATU daripada kegiatan ekstrem dibawah: i. Mendaki Gunung ii. Menyelam Skuba (Skuba Diving) iii. Berakit di Air Deras (White Water Rafting) iv. Berkayak di Laut/Sungai v. Eksplorasi gua (Caving) vi. Wall/Rock Climbing vii. Paintball dan Sukan-sukan Ekstrem yang lain viii. Lain – lain aktiviti yang dinilai berkaitan dengan aktiviti ekstrem.
LENCANA PENYELAMAT NYAWA (PILIHAN)	Memiliki salah satu daripada empat kelayakan menyelamatkan nyawa seperti dibawah dan sentiasa bersiap sedia di dalam memberikan perkhidmatan: A. <i>“Outdoor Survival”</i> B. Pertolongan Cemas peringkat Advance C. <i>“Bronze/Silver Medallion”</i> D. <i>“Risk Management Course”</i>
LENCANA KEUSAHAWANAN (PILIHAN)	A. Menjalankan salah satu daripada aktiviti- aktiviti keusahawanan seperti berikut selama semina enam bulan dan menyediakan penyata kewangan yang lengkap dan disahkan:

	i. Penternakan ii. Perikanan iii. Pertanian/Perladangan iv. Perniagaan
--	---

ANUGERAH BP

- Merupakan pencapaian tertinggi bagi pengakap kelana yang telah berusaha bersungguh-sungguh dan berjaya dengan cemerlang dalam mencapai skim lencana pengakap kelana.
- Dicalonkan oleh Pesuruhjaya daerah dan disokong oleh pesuruhjaya negeri dan dibawa pencalonnya kepada PPM,
- Semua buku log dan sijil-sijil kemajuan diperiksa oleh PPM Negeri dan sekiranya lulus dibawa ke peringkat HQ untuk dinilai perkhidmatannya selama 6 bulan sebelum dianugerahkan dengan anugerah BP.
- Penyampaian Anugerah BP ini akan dilaksanakan di peringkat tertinggi PPM dan disyorkan penganugerahan sijil tertinggi kelana ini ditandatangani oleh PM Malaysia.

Mesyuarat Recommendation Community

- 1.) En.Mohd Azlan Abdul Jalil
- 2.) En. Abdul Jalil B. Abdul Samad
- 3.) En. Azlan Mohd Zainal
- 4.) En. Hafiz Razif B. Osman
- 5.) En. Mohd Hilmi B. Abu Bakar
- 6.) Encik Hanif Ibrahim
- 7.) En. Rosman B. Mohamed@Ahmad
- 8.) En. Jufri Lai B. Abdullah
- 9.) En.Daniel Siong Wee Chee
- 10.) En.Jurimi B. Bakri
- 11.) En. Mohd Zulhilmi B. Jamaluddin
- 12.) En. Khairul Faizal Ramli
- 13.) Surendran a/l Supramaniam
- 14.) Mejar (B) Mior Rosli Dato' Mior Mohd. Jaafar
- 15.) Yeoh Peng Hong

Objektif Mesyuarat

- 1.) Resolusi Skema Lencana
- 2.) Laporan PPT
- 3.) Persembahan PPT

Workshop Recommendations

1. Meminda umur keahlian Pengakap Kelana kepada 18 hingga 40 tahun. (tumpuan diberikan kepada ahli berumur 18 hingga 25 tahun untuk memdapatkan Anugerah BP)
2. Memastikan hasil bengkel dapat dibawa ke dalam mesyuarat jawatankuasa dan dilaksanakan
3. Peraturan pakaian seragam pengakap diperincikan
4. Menyediakan suatu modul latihan yang terperinci bagi skim latihan pengakap kelana
5. Menyediakan suatu garis panduan tentang adat istiadat dan protocol pengakap
6. Pemberian sijil dan lencana pengakap kelana hendaklah dikawalselia dan keasliannya dikekalkan
7. Kursus jurulatih Skim Lencana Pengakap Kelana hendaklah dijalankan secepat mungkin setelah skim ini diluluskan dengan kadar bayaran yang minima